




23 AUG, 2025

TNB perkukuh agenda tenaga bersih di loji tertua di Malaysia



Utusan Malaysia, Malaysia



TNB perkukuh agenda tenaga bersih di loji tertua di Malaysia

STESEN Mini Hidro Sungai Sempam (SMH Sempam) di Raub, Pahang iaitu loji hidroelektrik tertua di Malaysia dengan kapasiti terpasang 1.236 megawatt (MW) kekal menjadi simbol warisan tenaga negara.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata, ia dibina oleh jurutera British, William Bibby, sekitar tahun 1897 dan mula beroperasi pada tahun 1900.
Stesen yang berusia lebih 120

tahun ini terus menyumbang kepada agenda tenaga bersih melalui kerja pemuliharaan menyeluruh pada 2024.

Stesen itu kini menjadi sebahagian daripada Fasa 3 Projek Senggaraan dan

Penaiktarafan Stesen Mini Hidro yang merangkumi enam stesen di empat negeri dan dijangka siap menjelang 2028.

■ **STESEN** Mini Hidro Sempam yang berusia lebih 120 tahun.